

BAB 1

HUBUNGAN ETNIK DAN POLARISASI

Isu hubungan etnik dan polarisasi bukanlah isu yang baru diperkatakan dalam kajian hubungan etnik, bahkan usaha berterusan telah dijalankan untuk memperhebatkan hasil-hasil kajian berkaitan dengan hubungan etnik di Malaysia. Antara isu yang akan diketengahkan dalam kajian ini adalah isu interaksi dan polarisasi di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta di Malaysia yang merupakan generasi pelapis yang bakal mencorakkan hubungan etnik di Malaysia serta pengaruhnya ke atas masa depan negara sama ada dari segi ekonomi, politik mahupun sosial.

Sebahagian besar daripada para pelajar ini adalah terdiri daripada golongan belia yang berusia di dalam lingkungan usia 15-24 tahun. Golongan ini dianggarkan berjumlah hampir lima juta orang di Malaysia menjelang tahun 2005 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 di sebelah. Justeru itu, pemilihan para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta diandaikan mewakili sejumlah besar golongan belia atau remaja di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Pemilihan para pelajar ini dalam usaha meneliti isu interaksi, integrasi dan polarisasi adalah bersandarkan kepada andaian bahawa para pelajar ini adalah golongan belia yang paling kurang mempunyai sikap prejudis terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain dalam proses interaksi harian mereka.

Jadual 1.1 : Saiz Penduduk Malaysia (juta orang)

	2000	%	2005	%
Jumlah Penduduk (Warganegara)	23.27		26.04	
Bumiputera	14.56	66.1	16.59	67.3
Cina	5.58	25.3	6.04	24.5
India	1.63	7.4	1.78	7.2
Lain-lain	0.29	1.2	0.25	1.0

Jadual 1.2 : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur (juta orang)

Kumpulan Umur	2000	%	2005	%
Kurang daripada 15	7.71	33.1	8.15	31.3
15-24	4.37	18.8	4.98	19.1
25-39	5.4	23.3	5.83	22.4
Lebih daripada 39	5.79	24.8	7.07	27.2

(Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005).

1.1 Polarisasi Etnik

Konsep polarisasi sebenarnya telah wujud dalam kebanyakan keadaan yang melibatkan pertembungan dua aspek yang berbeza sifatnya dalam kehidupan masyarakat. Dalam aspek saintifik umpamanya bukti nyata yang diperolehi berupaya untuk memberi penjelasan tentang konsep polarisasi dalam ilmu sains fizik dan kimia. Istilah polarisasi membawa maksud pemisahan (secara separa ataupun secara penuh) di antara dua kutub (positif dan negatif) dalam satu sistem nuklear, umpamanya dalam ilmu fizik, dua batang besi yang mempunyai kutub yang sama akan menolak manakala kutub yang berbeza akan menarik (Cheu Hock Tong, 1986: 86).

Apa yang boleh diuraikan di sini adalah tentang ciri polarisasi yang wujud dalam masyarakat dan benda. Polarisasi diumpamakan sebagai dua atom yang sekiranya mempunyai cas yang sama akan menolak (polarisasi) dan sebaliknya akan berlaku jika mempunyai cas yang berbeza. Walaupun begitu, neutron yang tidak mempunyai sebarang cas adalah bersifat neutral dalam sesuatu atom, iaitu ianya tidak menarik mahupun menolak dan ini bolehlah kita sifatkan sebagai sikap saling hormat menghormati yang wujud di antara satu sama lain dalam masyarakat.

Dalam konteks masyarakat pula, polarisasi kaum membawa maksud suatu situasi yang mana kaum-kaum semakin merenggang di antara satu dengan yang lain disebabkan oleh perasaan, sikap, tujuan dan cita-cita yang mengakibatkan kurangnya berlaku perhubungan antara pelbagai kaum dan setiap kumpulan akan mula memupuk sentimen-sentimen negatif antara satu sama lain. Konsep polarisasi kaum tidak dapat diukur secara statistik tetapi seseorang itu dapat merasainya, melihatnya dan menganalisisnya menerusi institusi-institusi, orang perseorangan dan dalam isu-isu tertentu (Aliran, 1981: 1).

Konsep polarisasi ini sebenarnya mempunyai implikasi sosio-budaya yang luas walaupun ianya lebih bersifat teoritikal kerana ianya wujud hasil daripada perbezaan ideologi politik. Kini ianya tidak lagi terbatas kepada perbezaan ideologi politik tetapi turut melibatkan bidang-bidang sosial, ekonomi, agama,

pendidikan, adat-resam, makanan, pakaian, tempat perhimpunan dan juga tempat ibadat. Tambahan lagi polarisasi boleh berlaku apabila dua bentuk kebudayaan saling menolak secara keterlaluan (Aliran, 1981: 62).

Antara sebab-sebab yang dikenalpasti berlakunya polarisasi adalah kerana adanya usaha-usaha manusia dan masyarakat memusatkan diri mereka dengan satu-satu kebudayaan dalam usaha untuk menentang kebudayaan yang lain. Seterusnya, disebabkan oleh adanya unsur-unsur radikalisme dan ekstremisme dalam usaha mereka ini akan mewujudkan pula satu bentuk skala pertentangan yang melibatkan sebahagian besar lapisan masyarakat.

Abraham (1983) merupakan antara tokoh yang meneliti sejarah dan akar kewujudan masalah polarisasi etnik di Malaysia dengan menggunakan pendekatan sosiologikal. Beliau telah memperkatakan tentang 'kegagalan' dalam proses asimilasi kaum di Malaysia adalah disebabkan oleh politik kolonial Inggeris yang menjalankan dasar pecah dan perintah (*divide and rule*) yang membahagikan kaum berdasarkan lokasi kerja dan telah mewujudkan jurang komunikasi yang sangat besar antara kaum yang ada.

Menurut beliau lagi, kesan sampingan yang wujud hasil daripada pemecahan etnik yang berdasarkan kepada bidang pekerjaan ini adalah di dalam sistem pendidikan dan orientasi politik, yang mana etnik Cina masih berkiblatkan sistem pendidikan dan politik Tanah Besar Cina dan begitu juga

dengan masyarakat India. Manakala sebahagian besar masyarakat Melayu masih menekankan pendidikan agama dan sistem sekolah pondok. Akibat tindak balas ini telah munculnya ideologi etnik masing-masing di Tanah Melayu yang kemudiannya telah menjadi asas kepada benih-benih polarisasi. Jadi usaha asimilasi kaum tidak kesampaian sebaliknya kumpulan-kumpulan etnik terlibat terus memperkukuhkan kedudukan masing-masing berdasarkan bidang pekerjaan, budaya, bahasa, dan kepercayaan. Sikap sedemikian telah menyebabkan proses integrasi berjalan agak perlahan di Tanah Melayu.

Kenyataan akan kewujudan polarisasi sejak zaman kolonial ini turut disokong oleh Kua Kia Soong (1987:5-9) yang telah melihat dengan lebih mendalam tentang aspek polisi-polisi kerajaan yang wujud sejak zaman kolonial sehingga kini seperti kewujudan dan kesinambungan parti-parti politik berlandaskan aspek kaum, bahkan kini menurut beliau polarisasi turut wujud di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah, universiti dan perkhidmatan awam serta media massa. Jadi antara sebab utama kewujudan polarisasi etnik di Malaysia adalah melibatkan hubungan bumiputera dan bukan bumiputera yang nyata dalam setiap aspek kehidupan seperti ekonomi, hak politik, peluang pendidikan, perumahan, polisi budaya dan sebagainya.

Kesimpulannya polarisasi bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita, namun ianya juga bukanlah merupakan sesuatu yang mudah untuk diakhiri terutama sekali dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia yang masih kaya

dengan adat dan budaya kaum masing-masing. Antara sebab yang dikenalpasti menjadi pendorong kepada kesinambungan kewujudan proses polarisasi tersebut adalah penjajahan, ketiadaan konsep yang jelas mengenai identiti Malaysia, dasar-dasar kerajaan dan perlaksanaannya semenjak merdeka, sikap parti politik pembangkang yang berlandaskan aspek perkauman dan pertumbuhan serta pergabungan kepentingan politik, ekonomi dan kepentingan kaum khususnya.

1.2 Polarisasi dan Integrasi dalam Arena Politik

Dalam memperkatakan isu polarisasi dan integrasi, kita tidak dapat menidakkan politik sebagai satu batu loncatan penting dalam usaha seseorang menduduki tingkat teratas dalam hieraki keperluan individu dalam konteks masyarakat. Menurut Sufean Hussin (2002:15), keperluan politik meliputi aspek status sosial dan penghormatan yang diterima oleh seseorang dalam pembangunan masyarakat melalui perolehan kuasa. Dalam politik, kuasa inilah yang bakal menjadi tekanan untuk menggerakkan sesuatu organisasi dan agensi dalam menjalankan perkhidmatan untuk orang awam khususnya

Zainal Kling (1993:399-401) pula berpendapat bahawa terdapatnya perkaitan langsung dan berfungsi antara kedua-dua sistem sosial dan politik sehingga keduanya saling melengkapi dan berfungsi sebagai rangka kehidupan sosio-politik masyarakat Malaysia moden. Ianya adalah realiti semasa yang mempunyai akar umbi sejarah dan tradisi serta membawa makna serta natijah

dalam kehidupan masa kini pula. Dalam pada itu setiap ruang atau aspek ini saling berfungsi antara satu sama lain dan terbit satu asas dalam kehidupan masyarakat serta terjelmanya suatu susunan, organisasi dan sistem yang menyeluruh.

Kenyataan ini dengan jelas menerangkan mengapa kebanyakan dari para pengkaji dewasa kini ada kalanya lebih cenderung untuk menekankan aspek politik dari aspek budaya dalam hubungan etnik terutama sekali jika ianya melihat hubungan etnik dan persaingan ekonomi. Ini turut ditegaskan dalam penulisan Barth dan Despres yang mana menurut mereka budaya sebagai satu elemen bukan politik dalam satu-satu kumpulan etnik akhirnya akan dipolitikkan dalam proses tindakan sosial yang berlaku dalam masyarakat tersebut (Lee, 1986: 28).

Pandangan-pandangan di atas dapat menerangkan secara tidak langsung akan kewujudan perkaitan rapat antara aspek polarisasi dan integrasi dalam senario politik. Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan sesuatu parti politik adalah berasaskan kepada kepentingan pihak-pihak tertentu dalam memperolehi atau mencapai sesuatu matlamat dan setiap parti politik ini akan memperjuangkan sesuatu yang berbeza dari parti politik yang lain. Di sini kita dapati wujudnya konsep perkumpulan berkepentingan yang mungkin berlandaskan berbagai-bagai ciri seperti etnisiti, agama, ekonomi, alam sekitar mahupun nilai kemanusiaan.

Bagi tujuan analisis politik dan dasar, Truman (1981) mendefinisikan, perkumpulan berkepentingan bagi politik adalah sebagai perkumpulan manusia yang bekongsi sama sesuatu sikap, minat dan pemikiran, tetapi yang pentingnya perkumpulan berkepentingan ini akan bersaing dengan perkumpulan berkepentingan lain dalam membuat tuntutan ke atas atau melalui badan-badan kerajaan. Peminggiran perkumpulan ini mungkin akan mewujudkan dendam dan biasanya perkumpulan terlibat akan mengatur pertentangan dengan cara boikot atau apati atau menimbulkan publisiti negatif.

Di Malaysia khususnya terdapat pelbagai parti politik yang didasarkan kepada etnisiti. Antara yang besar dan berpengaruh adalah UMNO (*United Malay National Organization*), MCA (*Malaysian Chinese Association*) dan MIC (*Malayan Indian Congress*) merupakan parti politik penting dalam tunggak pemerintahan negara yang mana ianya 'dianggap' menjadi wakil ataupun perkumpulan berkepentingan yang berlandaskan kepada ciri etnisiti ataupun kaum-kaum utama yang terdapat di Malaysia. Walaubagaimanapun terdapat pelbagai parti politik lain yang turut berlandaskan kepada ciri etnisiti tetapi ianya hanya mewakili golongan etnik minoriti yang ada di Malaysia termasuklah etnik-etnik bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks perkembangan awal politik di Malaysia, wujud ketandusan dalam integrasi di kalangan pelbagai etnik di Malaysia. Oleh itu Parti Perikatan (UMNO-MIC-MCA) khususnya perlu sensitif dengan sentimen perkauman yang

wujud dan berhati-hati dalam memastikan pengejalan keseimbangan dalam hubungan kaum yang begitu tipis di dalam negara kerana sebarang perasaan tidak puas hati yang wujud dalam masyarakat akan menyumbang kepada tercetusnya ketegangan dan perbalahan dalam parti berkenaan. Walaubagaimanapun, dengan semangat yang utuh untuk mencapai kemerdekaan dan mewakili rakyat, Parti Perikatan telah berjaya mengharungi pelbagai dugaan yang dicetuskan oleh pihak parti pembangkang (Ongkili, 1985: 115).

Sehubungan dengan itu proses komunikasi antara kumpulan-kumpulan etnik ini diwakili oleh ketua parti politik yang terlibat yang kebiasaannya adalah terdiri daripada golongan elit setiap kumpulan etnik. Ketua-ketua inilah yang akan bertindak serta memainkan peranan mereka sebagai jurucakap atau *broker* untuk kumpulan-kumpulan etnik yang berkenaan (Shastri, A., 1993: 3).

Situasi ini bakal menimbulkan persoalan yang manakah lebih dominan dalam senario politik di Malaysia, adakah integrasi ataupun polarisasi yang menjadi tunggak hubungan kaum dalam arena politik kita. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 telah mendedahkan manifestasi tiga kumpulan etnik utama di Malaysia. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, telah didapati bahawa orang Melayu agak jauh ketinggalan dalam kawalan sektor ekonomi dan pendidikan manakala orang Cina pula setapak di hadapan dalam mengawal sektor perdagangan dan lain-lain yang berkaitan dengan sektor ekonomi.

Proses 'jual-beli' (bertolak-ansur) dalam politik dan ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu tidak hanya melibatkan isu-isu komunal tetapi juga yang hampir tidak kurang pentingnya adalah keperluan untuk mewujudkan keamanan antara kaum dan memahami masyarakat terlibat disebabkan mereka inilah yang bakal merealisasikan misi untuk mewujudkan negara Malaysia. Walaubagaimanapun ternyata bahawa untuk mencapai hasil yang diinginkan dari proses ini adalah masih jauh dihadapan. Cabaran untuk mengekalkan keharmonian antara kumpulan-kumpulan etnik ini bukanlah suatu yang mudah dan usaha untuk mewujudkan satu kesedaran tentang identiti yang sama di kalangan pelbagai kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia terus menerus mengundang pelbagai masalah dan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat umumnya (Ongkili, 1985: 130).

Sehubungan dengan itu dapat kita saksikan bahawa dalam arena politik negara, konsep polarisasi juga turut wujud di samping konsep integrasi yang telah lama tersemam di kalangan parti-parti politik terlibat. Ketidakupayaan pihak terlibat dalam mengeneppikan polarisasi yang wujud adalah nyata apabila kita sedar apakah landasan utama perjuangan parti-parti politik yang wujud di negara kita, iaitu kepentingan dan pengekal hak dan status etnik-etnik tertentu.

Situasi ini walaubagaimanapun tidak berupaya untuk menghalang integrasi yang wujud di kalangan setiap parti yang ada semenjak dahulu lagi. Ini jelas memperlihatkan bahawa polarisasi yang wujud dan juga berkemungkinan

besar akan terus kekal ini tidak berupaya untuk menghalang proses integrasi antara rakyat Malaysia khususnya kerana keinginan untuk melihat Malaysia sebagai negara maju dan aman makmur adalah jauh lebih utuh dari kepentingan satu-satu kumpulan etnik tertentu sahaja dan keupayaan bertoleransi dan menghormati satu sama lain adalah kunci kepada integrasi yang wujud dalam senario polarisasi yang lapuk di kalangan rakyat.

1.3 Hipotesis

Sebelum mendalami dengan lebih lanjut apakah proses interaksi yang wujud dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, adalah wajar untuk kita dahului dengan pendekatan asas yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sains sosial terdahulu. Dalam kajian hubungan etnik, terdapat tiga perspektif utama yang dapat diklasifikasikan dalam menjelaskan mengenai hubungan etnik iaitu perspektif 'order', konflik dan interaksionalis.

Perspektif yang pertama, 'order' menekankan dan memperjelaskan imej masyarakat sebagai satu sistem sempadan semulajadi antara manusia yang sedia wujud dan sedia dipertahankan dan dikekalkan dengan institusi-institusi yang sedia ada. Perspektif ini mengandaikan manusia memerlukan satu sistem nilai yang menegaskan aspek kestabilan, kuasa dan tersusun. Antara tokoh utama yang menghalusi perspektif ini adalah Talcott Parson dengan perspektif sistem, Aaron Cicourel dengan konsep '*hard data*' dan Emile Durkheim mengenai fakta sosial. Menurut perspektif ini dengan mengeneipkan isu '*sebab*',

tindakan boleh diambil untuk menghapuskan masalah-masalah yang timbul dengan menggerakkan polisi-polisi tertentu dalam masyarakat dan menstabilkannya kembali (Bowker and Carrier, 1976: 27).




Sebaliknya perspektif konflik pula menyifatkan masyarakat sebagai persaingan antara kumpulan-kumpulan berkepentingan yang cenderung untuk berubah melalui aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha yang diambil yang digerakkan oleh faktor penggerak luaran seperti faktor ekonomi. Jadi perspektif konflik sebenarnya menekankan isu hak kuasa atau autonomi, perubahan, tindakan dan pembangunan. Dua tokoh besar yang terlibat dengan perspektif ini adalah Karl Marx dan Max Weber. Kedua-dua tokoh menghujahkan bahawa persaingan yang wujud antara pelbagai golongan berkepentingan adalah merupakan penunjuk utama kepada kebangkitan satu masyarakat moden yang kompleks (Bowker and Carrier, 1976: 28).





Akhir sekali adalah perspektif interaksionalis yang merujuk kepada pendapat tokoh seperti Max Weber, Mead dan Alfred Schutz yang menekankan definisi bebas nilai (*value free*) tentang masalah yang wujud dalam masyarakat. Sebarang bentuk masalah yang wujud dalam masyarakat yang tertumpu kepada masalah aspek luaran seperti masalah ekonomi perlulah dilihat sebagai sesuatu yang terserlah dalam masyarakat dan adalah penting manusia mempunyai keupayaan untuk memahami sistem dan peraturan yang wujud seperti mana

yang telah ditetapkan oleh masyarakat itu sendiri dalam menangani masalah tersebut (Bowker and Carrier, 1976: 28).

Banton (1967: 68-75) pula telah mengutarakan pendapatnya tentang apa yang bakal berlaku kepada anggota dua kumpulan apabila mereka bersemuka. Beliau menggambarkan enam urutan hubungan etnik yang mengandaikan bahawa kemungkinan wujudnya beberapa bentuk hubungan tertentu pada tahap-tahap hubungan yang berbeza. Enam urutan yang telah dikemukakan oleh beliau ini dapat diringkaskan seperti carta di bawah:

Carta 1.1: Enam Urutan (Order) Hubungan Ras Yang Dikemukakan Oleh Banton

Bentuk Hubungan	Penjelasan
<p>1 Hubungan Sisi (Peripheral)</p> 	<p>► Hubungan transaksi antara dua kumpulan yang tidak memberi sebarang kesan.</p>
<p>2 Hubungan Institusi</p>  <p>Akulturas</p> 	<p>► Hubungan berterusan di antara ahli dari kumpulan berbeza akan terbentuk sama ada daripada hubungan institusi ataupun proses akulturasi.</p>

<p>3. <i>Dominasi</i></p> 	<p>► Hubungan berterusan antara dua kumpulan berbeza dalam hal-hal tertentu akan mewujudkan dominasi satu kumpulan ke atas kumpulan lain dalam satu masyarakat tertentu.</p>
<p>4. <i>Paternalism</i></p> 	<p>► Satu bentuk khusus hubungan institusi yang mengekalkan sifat tersendiri yang wujud dalam masyarakat yang berinteraksi.</p>
<p>5. <i>Integrasi</i></p> 	<p>► Integrasi wujud apabila wujudnya beberapa kumpulan ras atau etnik yang berbeza dalam masyarakat.</p>
<p>6. <i>Pluralism</i></p> 	<p>► Perbezaan ras dan etnik yang wujud adalah lebih nyata dalam perlakuan anggotanya berbanding model hubungan integrasi.</p>

Bagi Furnivall (1948:304), dengan teori pluralisme atau masyarakat majmuknya yang telah lama bertapak di Malaysia iaitu semenjak daripada zaman kolonial lagi, telah memperkatakan tentang konsep perpecahan antara kumpulan-kumpulan etnik yang berlaku di bawah satu sistem pemerintahan politik yang mana kumpulan-kumpulan etnik ini mempunyai agama, budaya, bahasa, pemikiran serta cara hidup yang berbeza akan bercampur gaul antara satu sama lain tetapi hanya ketika mereka berada di pasar sahaja iaitu untuk tujuan jual beli. Sepertimana menurut beliau:

"They mix but do not combine. Each groups hold by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet, but only in the market place, in buying and selling. There is a plural society with different sections of the community living side by side, but separately, within the same political unit. Even in the economic sphere there is division of labor along racial lines." (Furnivall, 1948: 304).

Manakala menurut Van den Berge (1967:34) pula, untuk menilai sejauh manakah satu-satu masyarakat itu dianggap 'majmuk' (*plural*) bergantung kepada persamaan yang wujud dalam pembentukan struktur ideal yang hampir sama. Masyarakat adalah majmuk sekiranya mereka mempamerkan lebihan atau kurang daripada dua penunjuk asas ini iaitu: pertama, segmentasi atau pengasingan kepada kumpulan-kumpulan korporat yang selalunya, walaupun tidak semestinya yang mempunyai budaya atau sub-budaya yang berlainan dan yang kedua, struktur sosial yang di bahagikan kepada insititusi yang mempunyai set analog yang selari tetapi boleh di bezakan antara satu dengan yang lain.

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001:75), dalam konteks Malaysia, masyarakat majmuk mengandaikan mereka adalah terdiri daripada pelbagai etnik walaupun tidak semua masyarakat pelbagai etnik adalah masyarakat majmuk. Pluralism adalah satu nilai yang mengarah perubahan sosial dan ianya tidak lagi di anggap sebagai satu masalah bahkan ianya adalah satu corak perkongsian bersama dan diterima dengan hati yang terbuka oleh penduduk asal

sesebuah negara. Dengan mengekalkan dinamik identiti, budaya, asal usul, agama, bahasa dan cara hidup, isu integrasi nasional tidak lagi menjadi isu yang berlandaskan teori pluralism yang mempersoalkan aspek dominasi etnik dan budaya. Walau sehebat mana isu-isu yang dikaitkan dengan pluralism, ianya bukanlah merupakan penghalang kepada proses pembangunan negara dan integrasi nasional.

Dalam kajian polarisasi ini, ciri-ciri masyarakat majmuk atau '*plural*' sebenarnya turut diwarisi oleh para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta. Dalam kajian ini sememangnya kita jelas dapat melihat pelajar-daripada kumpulan etnik berbeza akan mengamalkan budaya dan cara hidup masing-masing. Selain daripada itu pelajar-pelajar terlibat turut memaparkan identiti etnik masing-masing menerusi aspek-aspek fizikal seperti penampilan diri, kawasan tempat tinggal, bahasa mahupun dari aspek keagamaan.

Perspektif-perspektif sosiologi ini telah dijadikan landasan kepada kajian-kajian hubungan etnik seterusnya. Setiap kajian dengan tumpuan yang pelbagai cuba memperjelaskan situasi dari pelbagai perspektif seperti sosial, ekonomi dan politik. Kajian interaksi etnik dan polarisasi adalah antara dua isu yang tiada penghujungnya di kalangan pengkaji terdahulu yang melihat masyarakat pelbagai kumpulan etnik yang berada dalam satu persekitaran yang sama sejak berabad lamanya.

Kajian oleh Meer and Freedman (1966:11-19) telah memberi tumpuan kepada aspek hubungan interaksi dalam persekitaran dan kejiwaan di kalangan masyarakat kulit putih dan kulit hitam yang mempunyai status yang sama berupaya untuk mengurangkan sikap prejudis di kawasan tersebut. Walaupun keputusan diperolehi menunjukkan bahawa hubungan kejiwaan yang terdiri dari status yang sama akan mengurangkan sikap prejudis di kawasan tersebut tetapi perubahan tersebut tidak semestinya merujuk kepada kawasan-kawasan lain.

Jadi hasil kajian yang diperolehi mencadangkan bahawa perubahan sikap terhadap kumpulan minoriti, sekiranya ia berlaku, akan bergerak ke arah garisan sepadan yang menjadi pemisah, dan untuk ianya berlaku, ia perlulah ada satu permulaan kecualilah sekiranya wujud hubungan status yang sama, walaupun di tahap paling *superficial*, adalah sukar untuk mengurangkan sikap prejudis yang sedia ada (Meer and Freedman, 1966).

Kajian tentang aspek integrasi pula telah dijalankan oleh pengkaji seperti Moskos (1966:132-148) yang melihat integrasi di dalam rejimen tentera di Amerika Syarikat. Menurut beliau, integrasi yang wujud dalam perkhidmatan tentera boleh menjadi satu bentuk demonstrasi tentang bagaimana perubahan dalam masyarakat boleh mendorong kepada perkembangan yang jelas dalam kejayaan individu dan kumpulan.

Hasil kajian beliau memperlihatkan secara keseluruhannya bagaimana integrasi etnik yang berlaku di peringkat informal dan formal berjalan dengan lancar sama ada ketika waktu bertugas mahupun selepas waktu bertugas. Dalam kata lain tingkah laku pegawai perkhidmatan terbabit menyerupai pengasingan etnik atau kelas dalam masyarakat Amerika keseluruhannya di samping kombinasi faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan integrasi etnik di kalangan pegawai-pegawai terlibat seperti hierarki dalam struktur kuasa, peranan dan aktiviti yang telah dinyatakan dengan jelas untuk mengelakkan konflik.

Dalam satu kajian lain oleh Feld (2000:26-31), beliau telah mengkaji tentang hubungan etnik di kalangan pegawai tentera di Vietnam yang datang dari pelbagai latarbelakang sosial dan terdiri dari pelbagai golongan etnik. Wallace, T. turut menyatakan bahawa angkatan tentera diumpamakan mewakili institusi yang paling kuat integrasinya di kalangan masyarakat Amerika (Wallace. 1984: 8). Sebaliknya Feld mendapati bahawa integrasi ini sebenarnya hanya dikecapi ketika berlakunya pengasingan tentera kulit hitam yang terlibat dan ketika waktu tidak bekerja yang mana mereka lebih gemar untuk berada di kalangan tentera kulit hitam yang lain. Kadang kala masalah ini turut timbul di kalangan mereka tetapi ianya tidak memberi kesan kepada peranan mereka dalam misi yang mereka ikuti. Ada di kalangan pegawai tentera kulit hitam yang terlibat merasa serba salah atas penglibatan mereka dalam peperangan tersebut kerana nasib mereka di Amerika sendiri tidak terjamin mahupun terbela.

Triandis dan Vassiliou (1967:316-328) melihat akan sejauh manakah pula kekerapan dalam perhubungan dan interaksi memberi kesan terhadap stereotaip di kalangan pekerja Amerika dan Greek yang berhubungan terus dalam pekerjaan mereka. Stereotaip adalah kepercayaan atau tanggapan tentang karakter dan tingkah laku satu-satu kumpulan masyarakat. Kajian ini mencadangkan bahawa stereotaip dipelajari khususnya melalui interaksi dengan keluarga, kawan-kawan, guru dan sebagainya, jadi ianya merangkumi norma-norma kognitif dalam membuat tanggapan tentang satu-satu kumpulan manusia, bahkan ianya turut wujud menerusi interaksi dengan mereka yang distereotaipkan.

Kajian mengandaikan bahawa semakin kerap berlakunya interaksi antara dua kumpulan terlibat maka semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh satu kumpulan tentang kumpulan yang satu lagi, maka *heterosterotaip* (ahli budaya A memikirkan ahli budaya B) menjadi semakin jelas. Pada masa yang sama, setiap kumpulan mempunyai lebih peluang untuk membandingkan imej persendirian mereka dengan kumpulan budaya yang lain, maka hubungan yang lebih kerap akan memperjelaskan *autostereotaip* (ahli budaya A memikirkan ahli budaya A) dan juga heterosterotaip (Triandis dan Vassiliou, 1967)

Kajian berasaskan aspek psikologi oleh Cohen dan Roper (1972:643-657) telah melihat aspek persamaan status yang wujud dalam interaksi di kalangan pelajar kulit putih dan kulit hitam sekolah rendah di Amerika berdasarkan teori

status karakteristik. Dalam kajian ini, hubungan ras dan etnik memenuhi kriteria bagi konsep kajian tersebut kerana ianya melibatkan pemikiran manusia yang mempunyai satu set kepercayaan yang spesifik yang melibatkan karakter yang bernilai ataupun tidak.

Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa ketidakseimbangan interaksi antara etnik jarang berlaku jika ianya melibatkan jangkakan kedua-dua etnik terhadap satu sama lain dipegang erat. Ahli-ahli sains sosial juga berpendapat bahawa sekiranya manusia dari pelbagai kumpulan etnik boleh berinteraksi, sistem kepercayaan stereotaip akan meningkat dalam penilaian antara satu sama lain. Jadi sistem kepercayaan yang berkait dengan etnik dan status karakter adalah sungguh kuat sehinggakan ianya akan turut memberi kesan kepada pembentukan interaksi yang wujud dan berkemungkinan akan menggalakkan lagi pegangan stereotaip tersebut daripada mengelakkannya (Cohen dan Roper, 1972).

Kajian juga telah dijalankan untuk melihat sikap pelajar dari kumpulan etnik yang berbeza yang melanjutkan pelajaran ke luar negara. Antaranya adalah kajian tentang sikap pelajar Cina di Amerika Syarikat oleh Hwa-Bao Chang (1973:66-77) yang mengandaikan bahawa pelajar-pelajar Cina di Amerika Syarikat mempunyai latarbelakang sosio-budaya yang unik. Penampilan konservatif pelajar Cina ini dikaitkan dengan kebudayaan Cina yang konservatif dan juga oleh polisi-polisi yang diamalkan di negara asal mereka. Kebanyakan

daripada pelajar ini mempunyai gambaran idealistik tentang Amerika Syarikat sebelum mereka berhijrah ke sana.

Setelah kita meneliti pelbagai aspek kajian terdahulu, kita mendapati bahawa pengasingan dan kerenggangan yang wujud dalam interaksi antara pelbagai kaum terutama sekali dari aspek budaya memberi beberapa implikasi. Keadaan ini mungkin wujud kerana kesukaran sesuatu kumpulan etnik untuk menyesuaikan diri mereka dengan budaya etnik lain berbanding budaya mereka sendiri.

Selain daripada itu bagi golongan pelajar pula mereka lebih selesa bergaul dengan kumpulan etnik masing-masing disebabkan penggunaan bahasa pertuturan yang sama dan mungkin untuk mengelakkan diri daripada proses menyesuaikan semula diri mereka dengan kelompok kerabat etnik masing-masing apabila keluar kelak terutama bagi mereka yang melanjutkan pelajaran di luar negara dan merasakan pengalaman yang dikongsi bersama dengan pelajar dari kumpulan etnik yang sama adalah lebih tepat dengan pengalaman mereka sendiri.

Kajian ini akan memperlihatkan tiga hipotesis berkaitan dengan interaksi dan polarisasi yang wujud di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta di Malaysia:

1. Tentang kewujudan proses interaksi dan polarisasi adalah pada usia muda dan aspek persekitaran turut menyumbang kepada penerapan proses tersebut.
2. Kurangnya pendedahan dan interaksi antara pelajar pelbagai kumpulan etnik akan menyukarkan usaha integrasi di peringkat nasional.
3. Sebenarnya pelajar-pelajar pelbagai kumpulan etnik masih mempunyai perasaan berbelah bagi dalam melihat aspek masa depan hubungan etnik di Malaysia walaupun pelbagai usaha oleh pihak kerajaan dan kementerian terlibat untuk mengawalinya.

Hasil kajian yang diperolehi akan digandingkan dengan keputusan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini dan melihat sejauh manakah interaksi dan polarisasi bakal mencorak hubungan etnik di Malaysia.

1.4 Unjuran Konteks

Unjuran daripada kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan di atas, kita mendapati bahawa hasil daripada hubungan yang wujud di antara kumpulan-kumpulan etnik berbeza ini telah mewujudkan pelbagai konsep sampingan dalam masyarakat seperti konsep asimilasi dan akulturasi, stratifikasi etnik dan juga stereotaip. Di sini kita perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan konsep-konsep tersebut.

Asimilasi dan Akulturasi:

Konsep asimilasi adalah satu konsep yang paling jelas berkait rapat dengan analisis hubungan etnik. Menurut Kamus Sains Sosial, istilah asimilasi umumnya membawa maksud proses menjadi 'serupa' atau 'hampir serupa'. Jadi asimilasi bolehlah dilihat sebagai hasil dari interaksi yang wujud pada tahap interpersonal dan berakar umbi dari konteks persejarahan dan merupakan satu proses 'penyertaan' (*inclusion*) umum yang melibatkan pendatang-pendatang baru yang akan ditransformasikan dari 'orang luar' dan menjadi ahli penuh dalam kumpulan atau masyarakat. Ianya mungkin juga wujud apabila sesuatu kumpulan etnik pendatang khususnya hilang ciri-ciri yang membezakan mereka dengan budaya kumpulan etnik majoriti dan mereka telah diserap kedalam budaya etnik majoriti tersebut.

Teori-teori yang dikaitkan dengan proses asimilasi ini lebih banyak berkisar atau tertumpu di kalangan masyarakat Barat yang mana proses ini dianggap berupaya untuk mewujudkan satu budaya baru hasil dari pertembungan antara budaya pelbagai kumpulan etnik walaupun kita menyedari bahawa istilah integrasi pula lebih acap digunakan untuk memperihalkan pergabungan antara pelbagai budaya yang ada.

Kita tidak juga dapat menafikan bahawasanya konsep asimilasi ini dianggap tidak dapat dielakkan dalam sesebuah negara yang bersifat demokratik

mahupun dalam masyarakat industri yang mana seseorang individu biasanya dinilai berdasarkan keupayaan dan bakat mereka tetapi bukannya atas landasan kumpulan etnik dalam sistem ekonomi bebas.

Menurut Park (1950:150), dalam hubungan ras dan etnik terdapat suatu kitaran (*cycle*) yang cenderung untuk berulang di mana-mana sahaja. Kitaran hubungan ras ini biasanya wujud dalam bentuk hubungan, persaingan, kemudahan dan proses asimilasi sepenuhnya adalah sesuatu yang nyata dan progresif. Halangan-halangan yang wujud dalam isu perkauman mungkin akan memperlambatkan tempo kitarannya, tetapi ianya tidak berupaya untuk mengubah arah kitarannya. Kuasa-kuasa yang telah mewujudkan interpretasi ini adalah terlalu nyata dan tidak dapat dielakkan yang mana hasil perubahan yang wujud mengandaikan bahawa ianya sebagai satu karakter yang terhasil dalam proses kosmik.

Park memperihalkan bahawa kitaran ini adalah suatu yang progresif dan tidak dapat diundur kembali yang mana semasa berlakunya proses asimilasi, maka akan wujudnya gabungan kumpulan-kumpulan kecil yang akan membentuk satu kumpulan besar. Tahap kitaran yang dicadangkan oleh Park ini adalah pada tahap kontak atau hubungan awalan. Persaingan awal ini wujud apabila populasi etnik akan bersaing untuk mendapatkan sumber-sumber seperti pekerjaan dan kemudahan yang mana keturunan berikutnya mungkin terpaksa

berubah dan mengadaptasikan diri mereka dengan persekitaran baru mereka dan akhirnya akan wujudlah tahap proses asimilasi awal.

Jadi proses asimilasi adalah suatu proses yang tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik yang berintegrasi di antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu proses asimilasi perlulah dilihat sebagai satu proses yang terhasil daripada interaksi dan integrasi yang berlaku dan ianya merupakan proses lanjutan yang berlaku menurut kitaran semulajadi yang wujud dalam hubungan antara etnik. Asimilasi biasanya akan wujud di kalangan etnik minoriti yang berada dalam lingkaran etnik majoriti.

Menurut Gordon (1964), proses asimilasi wujud pada tiga tahap utama:

- 1) Tahap pertama adalah *asimilasi budaya* yang merangkumi aspek-aspek nilai, kepercayaan, dogma, ideologi, bahasa dan simbol-simbol lain yang wujud dalam budaya dominan yang diambil (proses akulturasi).
- 2) Tahap kedua adalah *asimilasi struktural* iaitu melalui proses integrasi yang wujud di kalangan ahli-ahli dalam suatu populasi etnik yang dominan termasuklah keluarga, sahabat handai dan kumpulan-kumpulan dalam organisasi yang membawa kepada asimilasi struktural yang mungkin informal, personal mahupun hubungan yang intim.
- 3) Tahap ketiga pula dikenali sebagai *asimilasi marital* (ikatan perkahwinan) yang wujud apabila berlakunya perkahwinan campur di antara etnik pendatang dengan kumpulan etnik dominan. Walaubagaimanapun,

sesuatu kumpulan etnik mungkin mengalami asimilasi budaya tanpa melalui semua tahap tersebut.

Tiga tahap yang dikemukakan oleh Gordon ini adalah lebih berlandaskan kepada aspek budaya dan cara hidup sesuatu masyarakat yang menyumbang kepada proses asimilasi iaitu dengan melibatkan faktor hubungan individu dalam kumpulan dan aspek persekitaran. Perkara-perkara ini masih jelas dalam masyarakat kita yang mana isu bahasa, kepercayaan dan hubungan antara pelbagai etnik masih merupakan aspek yang menyumbang kepada polarisasi yang wujud di kalangan masyarakat Malaysia. Kewujudan polarisasi ini secara tidak langsung membataskan proses asimilasi sepenuhnya dalam kitaran etnik yang dinyatakan oleh Park walaupun tidak dinafikan bahawa ianya masih merupakan proses yang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat pelbagai etnik.

Begitu juga menurut Wieviorka (1964:415) yang menyatakan bahawa proses asimilasi ini pada dasarnya adalah berlandaskan kepada idea yang bersifat universal tentang hak-hak individu dalam menangani kemungkinan berlakunya diskriminasi yang akan diwarisi oleh mana-mana kumpulan masyarakat (atau etnik tertentu) berkaitan dengan asas budaya, yang mana pada satu tahap akan dineutralkan.

Sebaliknya, proses akulturasi pula adalah proses mempelajari budaya yang berbeza dengan budaya individu itu ketika mereka dibesarkan. Proses

akulturasi ini paling kerap berlaku dalam masyarakat-masyarakat yang kecil, tidak formal dan kurang berlaku persaingan di antara mereka dan mereka yang berhubungan ini akan mudah menyesuaikan diri mereka dengan anggota kumpulan yang lain. Sekiranya ada kumpulan yang bergabung maka kumpulan yang mempunyai 'budaya yang lebih lemah' perlu berubah mengikut 'budaya yang lebih kuat' (Kitano, 1974:44).

Aspek budaya jelas merupakan aspek yang penting dalam kewujudan kitaran proses asimilasi. Kita maklum bahawa budaya adalah suatu yang kita ketahui dan apa yang orang lain tahu tentang nilai dan amalan yang dikongsi bersama dengan sekumpulan orang tertentu. Menurut pendapat Hofstede (1991:61) dalam konteks ulasan yang lebih teknologikal, "*If the mind is the hardware, culture is the software*" (Sekiranya minda adalah perisian keras, budaya pula adalah perisian lembut). Budaya mengajar kita peraturan tentang bagaimana kita perlu berkelakuan sewajarnya di dalam masyarakat. Ianya adalah cara kita diprogramkan untuk berfikir dan berkelakuan di dalam pergaulan harian kita dengan masyarakat.

Keadaan ini dapat kita saksikan di Malaysia khususnya yang mana budaya mungkin berubah tetapi sempadan sosial masih nyata utuh. Orang Cina umpamanya sejak beratus-ratus tahun yang lalu, bercakap hanya bahasa Cina, memakai hanya pakaian tradisional mereka, mengamalkan kepercayaan nenek moyang mereka tetapi mungkin berbeza dengan orang Cina pada masa

sekarang yang bertutur dalam bahasa Inggeris, memakai pakaian barat dan mungkin juga beragama Kristian, tetapi mereka tetap orang 'Cina' seperti mana dengan orang Melayu ataupun India atas alasan sosial, politik mahupun ekonomi. Budaya mewujudkan satu bentuk rasional untuk meletakkan satu-satu kumpulan dalam hieraki status tertentu dan jelas menunjukkan aspek perkumpulan dan kedudukan individu dalam konteks yang lebih luas (Nagata, 1979:59).

Stratifikasi

Selain konsep asimilasi, konsep stratifikasi turut wujud hasil daripada proses integrasi di antara pelbagai kumpulan etnik. Di dalam kebanyakan komuniti atau masyarakat di dunia yang '*heterogenous*', masyarakat biasanya akan dibahagikan mengikut kelas, agama mahupun garisan etnik. Hubungan yang wujud di antara kumpulan-kumpulan etnik ini mungkin dipelbagaikan lagi dengan konsep stratifikasi dan kedudukan yang dicapai oleh individu.

Menurut Shibutani and Kwan (1965:572), stratifikasi etnik adalah satu aspek dalam organisasi komuniti yang mana seseorang individu akan diletakkan dalam '*order*' hieraki tertentu yang bukan mengikut keturunannya. Kumpulan etnik merangkumi individu yang menganggap diri mereka dari keturunan yang sama. Mereka juga turut percaya bahawa stratifikasi etnik akan terus wujud selagi masyarakat dikedua-dua garisan etnik atau warna mendekati antara satu

sama lain dengan mempunyai jangkaan yang sama tentang bagaimana seseorang itu akan berkelakuan dengan kehadiran seorang lagi dari etnik yang berlainan. Konsep ini secara umumnya memperlihatkan keupayaan budaya dan garisan etnik sebagai faktor penghalang kepada perpaduan dan integrasi nasional.

Di sini kita dapati bahawa penekanan oleh tokoh terlibat adalah tentang aspek budaya dan garisan etnik yang mewujudkan stratifikasi dalam masyarakat. Dua aspek ini penting dalam melihat keberkesanan komunikasi yang wujud antara pelbagai kumpulan etnik. Ini adalah kerana sekiranya seseorang individu hanya berkomunikasi dengan satu kumpulan tertentu sahaja maka berkemungkinan besar mereka akan mempunyai satu perspektif yang tertentu sahaja dan juga akan bersifat *etnosentrik*.¹ Situasi ini menunjukkan bahawa kumpulan etnik yang berbeza dengan bahasa yang berbeza yang bekerjasama akan kurang memperolehi kesan yang memuaskan dan ini akan mendorong kepada kebarangkalian terputusnya saluran komunikasi seterusnya antara mereka (Shibutani dan Kwan, 1965:574).

Stratifikasi menurut Waters (1994:14) pula adalah merujuk kepada kaedah yang mana masyarakat dunia dibahagikan kepada bahagian-bahagian atau elemen-elemen tertentu yang kadang kala dasingkan dari satu sama lain oleh sempadan-sempadan tertentu. Ini ditunjukkan dengan kewujudan pelbagai

¹ **Nota:** *etnosentrik* merujuk kepada kecenderungan individu untuk menggunakan nilai-nilai yang wujud dalam kumpulan mereka sendiri sebagai ukuran atau standard khusus dalam menilai individu daripada kumpulan lain.

aktiviti di setiap bahagian atau unit-unit yang membentuk masyarakat. Ianya berlaku disebabkan oleh dominasi atau kedudukan yang digariskan oleh seseorang atau oleh unit-unit yang tertentu ke atas seseorang atau kumpulan-kumpulan tertentu.

Sehubungan dengan itu stratifikasi yang wujud adalah hasil dari integrasi yang wujud antara individu dalam pelbagai kumpulan etnik adalah didasarkan kepada aspek budaya, warna kulit mahupun aktiviti-aktiviti yang mendominasi sesuatu kumpulan walaupun ianya mungkin melibatkan pelbagai bentuk pembahagian dalam masyarakat.

Justeru itu stratifikasi dapat dirujuk sebagai satu keadaan yang berkait rapat dengan pembahagian dalam masyarakat kepada set hierarki atau kategori tertentu, kepelbagaian dalam istilah yang digunakan, prinsip-prinsip yang mengikut peraturan-peraturan tertentu dan juga tahap yang dikenalpasti atau 'popular' yang diperolehi dari orang ramai (Dahrendorf, 1959:145).

Stereotaip

Satu lagi konsep yang relevan dengan interaksi yang wujud dalam kajian hubungan etnik adalah konsep stereotaip. Konsep ini telah di perkenalkan oleh Katz dan Braly dalam kajian mereka dan kerap kali digunakan oleh pengkaji yang mengkaji isu stereotaip. Stereotaip umumnya membawa maksud cara

pemikiran sesuatu kumpulan etnik tentang isu kenegaraan, agama dan bangsa selain daripada kumpulan etnik mereka dengan memberi '*standard*' yang khusus mengikut penilaian khusus kumpulan etnik tersebut. Perlu kita tahu bahawa stereotaip bukanlah merupakan satu peranan kerana kebanyakan daripada kita cenderung untuk menganggap stereotaip sebagai satu bentuk tingkah laku yang berkait ataupun tidak dengan konsep prejudis.

Sebenarnya stereotaip berfungsi untuk membezakan kumpulan-kumpulan manusia yang berbeza dengan melihat kepada karakter dan kualiti-kualiti tertentu yang membezakan mereka dengan kumpulan yang lain. Stereotaip juga turut menjelaskan peranan yang dimainkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu daripada kaca mata orang yang melihat mereka dan ianya akan diubahsuai mengikut pemerhati dan yang diperhatikan melalui pelbagai cara seperti aspek pembahagian kuasa dan hubungan sosial (Peres dan Levy, 1969:479-492).

Oleh itu stereotaip adalah satu proses konseptual dan aspek personaliti serta intelektual merangkumi sebahagian besar daripada komponen tersebut. Pembentukan konsep stereotaip adalah hampir sama dengan pembentukan konsep-konsep lain seperti melihat di manakah ianya berlaku dan arah tujuannya (sekiranya ada) terhadap pembangunan yang mungkin mempunyai ciri-ciri yang tertentu (Vinacke, 1957:229-243).

Dalam *Kamus Hubungan Ras dan Etnik*, stereotaip adalah satu bentuk kepercayaan yang ditokok tambah dalam hal-hal yang dikaitkan dengan satu-satu kategori (seperti kumpulan ras dan etnik mahupun kumpulan agama). Fungsinya adalah untuk menyeragamkan perlakuan kita dalam kategori tersebut. Dalam kajian hubungan ras dan etnik, stereotaip biasanya didefinisikan sebagai generalisasi umum yang keterlaluan tentang sesuatu sikap mahupun karakter ahli dalam sesuatu kumpulan dan ianya boleh menjadi sesuatu yang positif mahupun negatif, walaubagaimanapun kecenderungannya adalah lebih kepada hal-hal yang negatif (Cashmore, E., 1984:263-264).

Menurut Centers (1951:41-46) pula, stereotaip adalah:

"...constitute one of the clearest examples we have of socially and culturally acquired cognitive structures which shape perception and thought in their own distorted image." (Centers, 1951).

Ini juga membawa kepada beberapa generalisasi yang kita dapat lihat dalam konsep stereotaip yang mana sekiranya ia mula wujud dalam satu kumpulan maka stereotaip tersebut akan terus kekal dan seperti juga skala jarak-sosial, stereotaip berkaitan kenegaraan dan kumpulan-kumpulan etnik diterima luas oleh kebanyakan orang. Ini termasuklah stereotaip yang dikemukakan oleh kumpulan-kumpulan yang berbeza yang mungkin berada di dalam persekitaran

budaya yang sama bergantung kepada asas perhubungan antara kumpulan terlibat. (Sherif dan Sherif, 1956).

Jadi stereotaip sebenarnya adalah satu bentuk konsep yang terhasil daripada interaksi dan perhubungan di antara manusia dari pelbagai kumpulan etnik yang wujud, walaupun kerap kali ianya disalah tafsir sebagai satu sikap yang wujud dalam sesuatu kumpulan etnik tertentu sahaja. Stereotaip yang wujud ada yang menggambarkan sifat positif mahupun negatif sesuatu kumpulan etnik.

Keadaan ini bukanlah sesuatu yang membahayakan mana-mana pihak walaupun kemungkinan akan timbul rasa tidak puas hati dengan kenyataan stereotaip yang dibuat. Akhir sekali stereotaip ini turut wujud bukan sahaja di kalangan manusia dari kumpulan etnik yang berbeza (*heterostereotaip*) tetapi ianya juga wujud di kalangan kumpulan etnik yang sama yang mempunyai budaya yang sama (*autostereotaip*).

1.5 Objektif Kajian

Penghujahan yang telah dikemukakan adalah merupakan landasan kepada kajian hubungan etnik ini. Hasil kajian diharap akan memenuhi objektif utama kajian dalam isu interaksi dan polarisasi di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Kajian ini menggariskan beberapa objektif utama yang mana objektif pertamanya adalah untuk melihat apakah antara faktor-faktor yang terlibat dalam mewujudkan interaksi antara pelbagai golongan etnik di Malaysia terutamanya di kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur dan Selangor. Ini akan membantu untuk memperjelaskan faktor-faktor yang mungkin menjadi penarik dan penghalang kepada interaksi dan integrasi etnik di Malaysia.

Objektif seterusnya adalah untuk menganalisis dan mengenalpasti pandangan-pandangan responden mengenai hubungan etnik di kampus-kampus terlibat dan Malaysia keseluruhannya. Seterusnya apakah antara langkah-langkah yang boleh diambil dalam usaha mengurangkan polarisasi kaum yang wujud di kampus-kampus terlibat. Pandangan yang diperolehi dari responden juga akan memperjelaskan kepada kita tentang polarisasi yang wujud di kampus-kampus terlibat.

Objektif terakhir adalah untuk melihat fungsi dan peranan institusi pendidikan dalam isu interaksi, polarisasi dan integrasi etnik yang wujud di kalangan pelajar di kampus-kampus terlibat. Ini termasuklah usaha untuk mengenalpasti apakah antara polisi pendidikan dan sumbangan institusi pendidikan itu sendiri dalam menangani isu-isu tersebut. Sejauh manakah usaha-usaha ini telah berjaya memenuhi hasrat kerajaan untuk mempergiatkan lagi interaksi dan integrasi antara kaum di Malaysia sehingga kini?